

19/11/2000

Badruddin mencuri perhatian

SEPERTI dalam perhimpunan agung Umno sebelum ini, wakil Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin, mencuri perhatian perwakilan ketika membahaskan usul cadangan pindaan perlembagaan parti dalam perhimpunan agung khas semalam.

Beliau meminta perwakilan agar insaf kerana Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sudah beberapa kali sebak ketika mengingatkan ahli mengenai masa depan orang Melayu.

"Kasihlah orang tua tu. Apabila cakap fasal orang Melayu sentiasa sebak. Umno kini diibaratkan rumah buruk dengan lantai yang reput, manakala bumbungnya pula bocor.

"Oleh itu kita perlu mengikut peraturan. Bukan saja ahli pada peringkat bawah, tetapi kepimpinan tertinggi parti," katanya.

Mengenai Puteri Umno, Badruddin berkata ahli muda perlu menghormati kakak-kakak dengan mengelak daripada dilihat terlalu berebut jawatan.

Beliau memberi contoh bagaimana Pengerusi Tetap Wanita Umno, Tan Sri Aishah Ghani, dari muda hingga tua, terus bersama pergerakan itu tanpa berebut-rebut jawatan.

"Peranan Wanita adalah penting terutama ketika menghadapi pilihan raya. Merekalah yang akan berkempen dari rumah ke rumah untuk memastikan Barisan Nasional (BN) menang.

"Kita berharap dengan penubuhan Puteri, Umno akan terus kukuh dan mampu menarik golongan profesional menyertai parti," katanya.

(END)